



SOALAN LAZIM
INSENTIF DISKAUN TIKET PENERBANGAN AIRASIA UNTUK
PEMEGANG KAD PERAKUAN MEDIA TAHUN 2025

1. Apakah Insentif Diskaun Tiket Penerbangan AirAsia Untuk Pemegang Kad Perakuan Media?

- 1.1 Insentif ini adalah merupakan tawaran diskaun **50 peratus pembelian tiket penerbangan antarabangsa (pergi – balik) AirAsia secara one-off**, khusus untuk pengamal media yang mempunyai **Kad Perakuan Media (KPM)**.
- 1.2 Inisiatif hasil kerjasama strategik Kementerian Komunikasi dan AirAsia ini, menawarkan diskaun tiket penerbangan yang meliputi **56 destinasi negara anggota ASEAN** yang dioperasikan oleh AirAsia sempena **Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025** bagi menghargai sumbangan pengamal media.

2. Siapakah yang layak menerima insentif ini?

Insentif ini adalah khas untuk pengamal media yang merupakan :

- 2.1 Warganegara Malaysia.
- 2.2 Pemegang KPM yang telah berdaftar **sebelum atau pada 4 Jun 2025** dan masih **aktif juga sah tempoh** sewaktu tempahan tiket penerbangan dibuat. Terhad kepada pembelian **12,000 tempat duduk terawal**.
- 2.3 Tawaran ini sah bagi pembelian satu (1) tiket sahaja bagi setiap pemegang Kad Perakuan Media.

3. Apakah manfaat utama yang ditawarkan?

- 3.1 Diskaun 50% (one-off) bagi pembelian **tiket penerbangan antarabangsa**, pergi dan balik.
- 3.2 Sah untuk 56 destinasi ASEAN yang disenaraikan oleh AirAsia.
- 3.3 Tawaran ini hanya sah untuk satu pembelian sahaja bagi setiap pemegang Kad Perakuan Media.

4. Bolehkah saya membuat tempahan untuk ahli keluarga menggunakan insentif ini?

TIDAK. Tawaran diskaun 50 peratus ini hanya sah untuk pemegang Kad Perakuan Media sahaja dan tidak boleh dipindah milik.

5. Apakah yang harus dilakukan oleh pemegang KPM untuk menikmati insentif diskaun 50 peratus pembelian tiket kapal terbang ini.

- 5.1. Pengamal Media yang layak perlu menggunakan **Kod Promosi** (promo code) yang diberikan oleh AirAsia semasa membuat pembelian/ tempahan tiket penerbangan di laman web atau aplikasi AirAsia.
- 5.2. Kod promosi bagi setiap pemegang KPM adalah **unik**.
- 5.3. Kod promosi boleh diperolehi dengan cara e-melkan **Borang Permohonan** kepada pihak JAPEN di inisiatifmedia@inform.gov.my
- 5.4. Kod Promosi akan dihantar kepada pemohon dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- 5.5. Kod promosi ini hanya terpakai untuk tambang asas (base fare) sahaja dan tidak meliputi sebarang caj tambahan (add-ons) seperti bagasi, makanan, pilihan tempat duduk, cukai lapangan terbang dan fi perkhidmatan lain.
- 5.6. Tempoh tempahan **dibuka sehingga 31 Disember 2025**.
- 5.7. Tempoh penerbangan (travel period) adalah **mulai 1 April 2026 hingga 6 September 2026**, kecuali cuti umum dan cuti sekolah.

6. Apakah senarai 56 destinasi ASEAN tersebut?

No.	Country	Route	No.	Country	Route	No.	Country	Route
1	SINGAPORE	BKISIN	21	INDONESIA	KULKNO	41	LAOS	KULVTE
2	INDONESIA	KULBTJ	22	INDONESIA	PENKNO	42	VIETNAM	PENSGN
3	BRUNEI	KULBWN	23	INDONESIA	KULLOP	43	VIETNAM	KULDLI
4	THAILAND	CGKDMK	24	INDONESIA	KULPDG	44	MALAYSIA	MNLBKI
5	INDONESIA	JHBCGK	25	INDONESIA	KULPKU	45	MALAYSIA	MNLKUL
6	INDONESIA	KULCGK	26	SINGAPORE	KULSIN	46	INDONESIA	KULYIA
7	INDONESIA	PENCGK	27	INDONESIA	KULSUB	47	INDONESIA	KCHCGK
8	SINGAPORE	CGKSIN	28	INDONESIA	KULUPG	48	INDONESIA	KULBPN
9	THAILAND	KULCNX	29	SINGAPORE	LGKSIN	49	CAMBODIA	CGKPNH
10	THAILAND	JHBDKM	30	SINGAPORE	PENSIN	50	CAMBODIA	KULSAI
11	THAILAND	PENDMK	31	INDONESIA	PENSUB	51	INDONESIA	BKICGK
12	THAILAND	KNODMK	32	VIETNAM	KULCXR	52	BRUNEI	CGKBWN
13	THAILAND	KULDMD	33	VIETNAM	KULDAD	53	THAILAND	KULUTP
14	INDONESIA	KULDPS	34	INDONESIA	DMKDPS	54	INDONESIA	KULLBJ
15	SINGAPORE	DPSSIN	35	VIETNAM	KULHAN	55	THAILAND	DPSHKT
16	THAILAND	KULHDY	36	VIETNAM	JHBSGN	56	VIETNAM	BKISGN
17	THAILAND	KULHKT	37	CAMBODIA	KULKOS			
18	INDONESIA	JHBSUB	38	CAMBODIA	KULPNH			
19	THAILAND	KULKBV	39	VIETNAM	KULPQC			
20	SINGAPORE	KCHSIN	40	VIETNAM	KULSGN			

7. Adakah saya boleh menukar tarikh atau destinasi penerbangan selepas tempahan dibuat?

Tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh AirAsia. Sebarang perubahan selepas tempahan berkemungkinan dikenakan caj.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Maklumat terkini akan disalurkan secara rasmi melalui:

8.1 Hubungi pegawai bertugas di JAPEN di nombor talian **03-8911 7382/81**

8.2 E-mel kepada inisiatifmedia@inform.gov.my

Nota:

Pemegang Kad digalakkan menyemak status kad dan mengemaskini maklumat di <https://emedi.penerangan.gov.my/>.

**PERMOHONAN KOD PROMOSI DISKAUN 50%
TIKET PENERBANGAN AIRASIA KE 56 DESTINASI ASEAN
[PEMILIK KAD PERAKUAN MEDIA (KPM)]**

A. PEMOHON/ PEMILIK KAD PERAKUAN MEDIA (KPM)

BIL.	BUTIRAN PEMOHON	BUTIRAN
1.	Nama	
2.	Nombor Kad Pengenalan	
3.	Agensi Media	
4.	Tarikh Daftar KPM	
5.	Tempoh Sah KPM	

Tandatangan Pemohon :

Tarikh :

(B) DAN (C) UNTUK DILENGKAPKAN OLEH JAPEN

B. PENCADANG

Disokong : ☐

Tidak disokong : ☐

Disemak oleh : _____

Kod Promosi : _____

Tandatangan Penyemak : _____

C. KELULUSAN

Diluluskan oleh : _____

Tandatangan Pelulus : _____